



KENYATAAN SEBUT HARGA





PERBADANAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK

KENYATAAN PELAWAAN SEBUT HARGA 3/2025

Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) berhasrat mempelawa kepada syarikat-syarikat kontraktor yang berkeelayakan serta mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi sumber kewangan, pengalaman dan kepakaran untuk kerja-kerja Pemasangan bagi Penambahan Tangki Sedut di Perumahan Penjawat Awam Muallim (PPA Muallim) , Mukim Slim, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan

Bil.	Tajuk	Bidang Pengkhususan	Imbas Kod QR	Tarikh Iklan	Tarikh dan Waktu Tutup Pelawaan
1	KERJA-KERJA PEMASANGAN BAGI PENAMBAHAN TANGKI SEDUT BERUKURAN [2000MM X 3000MM X 3000MM (H)] DI KUARTERS PERUMAHAN PENJAWAT AWAM MUALLIM, MUKIM SLIM, DAERAH MUALLIM, PERAK DARUL RIDZUAN adalah seperti berikut :- Ukuran Tangki Sedut adalah 2000mm x 3000mm x 3000mm(H)	Gred : G2 Kategori : C Pengkhususan : CE20 (Menjalankan kerja-kerja pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian (termasuk hot tapping) kepada sistem bekalan air)	Imbas Kod QR untuk mendapatkan maklumat terperinci :-  1. <u>Dokumen Sebutharga</u>  <u>Pelan Tangki Sedut</u>	26 Mei 2025 (Isnin)	26 Jun 2025 (Khamis) SEBELUM 4:30 PETANG

Syarat-syarat dan terma adalah seperti berikut:-





KENYATAAN SEBUT HARGA



Syarat-syarat dan terma adalah seperti berikut:-

- i. Cadangan yang dikemukakan hendaklah mengikut item yang telah dinyatakan seperti jadual diatas.
- ii. Syarikat perlu menyatakan nilai / kos bagi setiap item yang telah dinyatakan seperti jadual diatas.
- iii. Wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa profil asal yang lengkap, satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan penyata bank tiga (3) bulan (terkini).
- iv. Pendaftaran dengan CIDB adalah merupakan jaminan ke atas sebut harga yang dikemukakan. Oleh itu sekiranya Penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah sebut harga diberikan kepadanya, maka tindakan menggantung/membatalkan pendaftaran akan diambil seperti berikut :-
 1. Menggantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 2. Menggantung pendaftaran selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
 3. Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.
- v. Syarikat hendaklah menyatakan tempoh masa yang diperlukan bagi menyiapkan kerja-kerja ini.
- vi. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai tawaran ini boleh menghubungi Pejabat Perbadanan ini di talian 05-2531949 pada waktu pejabat 9:00 pagi - 4:30 petang (Isnin hingga Jumaat kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum).
- vii. Syarikat perlu menyatakan Terma dan Syarat Pembayaran bagi Perbadanan ini membuat proses pembayaran kepada syarikat.
- viii. Dokumen sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan ditulis Tajuk Pelawaan Sebut Harga 3/2025 di atas sebelah kiri sampul serta dialamatkan dan dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan RFP yang terletak di Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI), E-10-2, Menara SSI, Soho Ipoh 2, Jalan Sultan Idris Shah, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Maklumat Syarikat

Semua syarikat yang mengemukakan cadangan perlu mengemukakan sekali maklumat-maklumat seperti profil Syarikat, Carian Rasmi SSM Syarikat, Borang 24 dan 49 Akta Syarikat 1965, Pengalaman Syarikat (Senarai Projek yang telah dan sedang dilaksanakan)

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI)
No. E-10-2, Menara SSI, SOHO Ipoh 2,
Jalan Sultan Idris Shah, 30000 Ipoh, Perak

Pihak Syarikat boleh mengambil inisiatif untuk mengadakan lawatan tapak secara sendiri untuk
mendapatkan gambaran dengan lebih terperinci